



ANTARA pasukan yang mengambil bahagian dalam program itu.

Syioknya Mega Futsal 2.0 berjaya tarik 18 pasukan

UB 9.6.2016 B3

PROGRAM Syioknya Mega Futsal 2.0 diadakan dengan jayanya oleh Exco Sukan, Seni dan Kebudayaan Majlis Perwakilan Pelajar, Universiti Malaysia Sabah pada 28 Mei lalu di Arena Universiti Malaysia Sabah (Galanggang Bertutup).

Sebanyak 18 pasukan mengambil bahagian termasuk pasukan daripada Universiti College Sabah Foundation (UCSF), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Politeknik Kota Kinabalu. Pertandingan ini berlangsung dari jam 8 pagi sehingga 5 petang.

Pertandingan dimulakan dengan pertandingan liga kecil, seterusnya suku akhir, separuh akhir dan

akhir. Pertandingan akhir Syioknya Mega Futsal 2.0 telah dimenangi oleh Garuda FC (pasukan dari UMS), Seterusnya naib johan dimenangi oleh Companhiero Futsal Team (pasukan dari UMS), dan tempat ketiga dimenangi oleh PC JR (pasukan dari Politeknik Kota Kinabalu).

Pemenang Mega Futsal 2.0 disampaikan oleh Mohd Alwi Osman, Penolong Pendaftar Jabatan Hal Ehwal Pelajar mewakili Timbalan Naib Cancellor, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni.

Timbalan Naib Cancellor (HEPA) Prof. Madya Dr. Ismail Ali dalam perutusannya berkata,

“Apa yang penting dalam pertandingan seperti ini ialah semangat bertanding secara sihat. Eratkan ikatan yang terjalin ini tidak sahaja semasa perlawanan tetapi kemesraan itu perlu diteruskan di masa-masa akan datang. Pihak UMS berharap kejohanan ini tidak akan berakhir di sini tetapi diteruskan di masa-masa akan datang.”

Pihak pengangur menyatakan Program Syioknya Mega Futsal 3.0 akan diteruskan pada tahun hadapan dengan mengharapkan penyertaan daripada IPTA/S dapat menghantar wakil untuk menyertai kejohanan berkenaan.



SATU lagi pasukan yang menjayakan Program Syioknya Mega Futsal 3.0.